



كمنتريين سومبريا اوتام دان قطنچوئن
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM
BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**MAJLIS PERASMIAN ACARA “BRUNEI INTERNATIONAL FLOWER SHOW 2019”
BERSEMPENA HARI PUJA USIA
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA BINTI
AL-MARHUM PENGIRAN PEMANCHA PENGIRAN ANAK HAJI MOHAMED ALAM**

**Rabu, 24hb. Safar 1441 bersamaan 23hb. Oktober 2019
bertempat Di Rimba Garden Central (RGC), Pusat Urusniaga Hortikultur, Kampong
Rimba, Gadong,
Negara Brunei Darussalam**



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PERASMIAN ACARA “BRUNEI INTERNATIONAL FLOWER SHOW 2019 BERSEMPENA HARI PUJA USIA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA BINTI AL-MARHUM PENGIRAN PEMANCHA PENGIRAN ANAK HAJI MOHAMED ALAM”

Rabu, 24hb. Safar 1441 bersamaan 23hb. Oktober 2019

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam hari ini berkenan berangkat bagi merasmikan acara “*Brunei International Flower Show 2019* Bersempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam” bertempat di Rimba Garden Central, Kampong Rimba.
2. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Rimba Garden Central dijunjung oleh, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohammed, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh, Timbalan Menteri Pendidikan selaku Pengerusi dan Timbalan-Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pandu acara “*Brunei International Flower Show 2019* Bersempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam”.
3. Berangkat sama ke Majlis berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa’adatul Bolkihah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu’izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkihah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu’izzaddin Waddaulah.
4. Turut berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien.

5. Acara Majlis Perasmian telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.
6. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam sembah alu-aluannya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga menyembahkan bahawa *Brunei International Flower Show* ini diharapkan akan menjadi acara tahunan dalam *Calendar of Events* pelancongan Negara Brunei Darussalam dan diharap akan berkembang menjadi acara yang berprestij di rantau ini dan menarik banyak penyertaan dari syarikat-syarikat florikultur dan yang berkaitan dengannya dari dalam dan luar negara. Selain memberikan pendedahan kepada pengusaha dan orang ramai, acara ini berpotensi untuk membuka peluang-peluang urusanniaga kepada syarikat-syarikat tempatan, serta seterusnya membantu meningkatkan keupayaan pengeluaran syarikat-syarikat tempatan dalam sektor ini. Kepelbagaian jenis penyertaan juga akan menambah tarikan acara ini untuk dikunjungi oleh pelancong-pelancong dan menyumbang kepada peningkatan kedatangan mereka ke Negara ini.
7. Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan merasmikan acara "*Brunei International Flower Show 2019* Bersempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam" dan menerima pesambah.
8. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian berkenan menyaksikan pameran *Brunei International Flower Show 2019* yang memaparkan rumah terlindung (*greenhouse*) dan pameran florikultur yang disembahkan oleh syarikat-syarikat tempatan dan luar negara di dalam Bangunan Utama Rimba Garden Central, di kawasan *timber deck* di luar Bangunan Utama Rimba Garden Central. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan bagi sesi bergambar ramai bersama ahli jawatankuasa kerja *Brunei International Flower Show 2019* dan menandatangani Lembaran Kenangan.
9. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Kerabat Diraja yang lain kemudian dijunjung berangkat menyaksikan pameran dan persembahan *Waterfall Area*, *Waterwheel* dan aktiviti bertanam oleh murid-murid sekolah di Taman Rekreasi, kawasan luar Rimba Garden Central.
10. Sebelum berangkat balik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Kerabat Diraja yang lain dijunjung berangkat ke Majlis santap di Restoran Garden Veranda.
11. *Brunei International Flower Show 2019* merupakan acara yang julung kalinya diadakan di Negara Brunei Darussalam dan acara pada tahun ini adalah bertemakan "*Brunei in Bloom*". Acara ini dibuka untuk kunjungan orang ramai selama lima (5) hari mulai hari Rabu, 23hb. Oktober 2019 jam 2.00 petang hingga 9.00 malam, dan pada hari Khamis, 24hb. Oktober 2019 hingga hari Ahad 27hb. Oktober 2019, pada jam 8.00 pagi hingga 9.00 malam kecuali hari Jumaat ditutup jam 12:00 tengahari hingga 2:00 petang.
12. *Brunei International Flower Show 2019* menyediakan pelbagai aktiviti seperti taklimat dan bengkel, gubahan bunga hiasan (*floral installations*), pameran dari peserta dalam dan luar negara. Selain dapat menyaksikan pelbagai jenis tanaman dan flora, para pengunjung juga akan

dapat membeli bunga-bunga dan tanaman hiasan yang dipamerkan. Aktiviti lain yang diadakan bagi memeriahkan acara *Brunei International Flower Show 2019* juga termasuk aktiviti yang mengalakkan penyertaan kanak-kanak dan orang ramai, serta pasar tani (farmers' market) yang akan membukakan aktiviti jualan kepada orang ramai, bertempat di kawasan Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong.

13. Antara objektif acara adalah untuk meningkatkan kedatangan pelancong-pelancong ke Negara Brunei Darussalam dengan mewujudkan serta menambah dayatarikan produk-produk pelancongan, termasuklah acara-acara pelancongan (*tourism events*) yang baru iaitu, sebagai sebahagian daripada produk pelancongan MICE (Meetings, Incentives, Conferences and Exhibition) disamping mempamerkan dan mempromosikan industri florikultur di Negara Brunei Darussalam.
14. *Brunei International Flower Show 2019* adalah anjuran Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dengan kolaborasi KN Nursery Sdn Bhd.

-SEKIAN-